epal
art, leisure, life

# DIY WORKSHOP
# BENGKEL DIY

Khas untuk VVIP & VIP
Exclusive for VVIP & VIP members

## Beg Tali / Stoffing Cord

**Tarikh / Date :**
**1.4.2015 – 15.5.2015**







**Sila hubungi atau kunjungi Pusat Epal anda untuk mendaftar dan info lanjut /**
***Kindly call or visit your Epal Centre for registration and more info.***

# TIPS:
# 8 SENAMAN MINDA UNTUK BERJAYA / 8 Mental Exercises to Succeed

Sumber / Source: Irfan Khairi

Kejayaan bermula dari minda. Minda yang positif akan memberi aksi yang positif. Sekiranya aksi yang kita lakukan tidak membawa kepada kejayaan, maka, kita perlu berbalik kepada minda. Terdapat 8 senaman minda yang perlu kita lakukan dalam mempersiapkan minda kita ke arah aksi yang positif.

*Success starts from the mind. A positive mind will promote positive action. If the action that we do not lead to success, then, we must turn to the mind. There are 8 mental exercises that we need to do to prepare our minds towards positive action.*

## 1 FIKIRKAN MASA HADAPAN
### *THINK OF THE FUTURE*

Mereka yang berjaya mempunyai visi dan sering memikirkan masa hadapan. Kebanyakan masa dihabiskan dalam melakarkan visi yang positif di masa hadapan. Kurangkan fikir tentang apa sahaja yang sudah lepas, sama ada kejayaan ataupun kegagalan lepas oleh kerana ia tidak lagi relevan. Apakah gambaran hidup anda satu, tiga, lima atau sepuluh tahun akan datang? Seringkali lakukan senaman ini oleh kerana mereka yang mempunyai minda positif akan sedia mempunyai jawapan yang jelas kepada persoalan ini.

*Those who have a vision, often think of the future. Most of the time should be spent on sketching a positive vision of the future. Do not dwell in the past. Successes or failures of the past are no longer relevant. Is your life looking forward to the next one, three, five or ten years? Do these exercises often because those who have a positive mindset already have a clear answer to this question.*

## 2 PUNYAI MATLAMAT DALAM MINDA
### *HAVE GOALS IN MIND*

Miliki matlamat yang jelas setiap kali dalam minda. Memikirkan masa hadapan sering kali berorientasikan jangka panjang, manakala mempunyai matlamat adalah sesuatu yang lebih spesifik untuk dilakukan dan dihasilkan. Adakah anda mempunyai matlamat hidup? Sekiranya ada, tahniah oleh kerana anda adalah antara 2% yang punyai matlamat hidup. Sekiranya tidak, maka, dapatkan pen dan kertas serta tuliskan dengan spesifik apa, bila dan bagaimana anda ingin mencapai matlamat anda.

*Have a clear goal in mind every time. Thinking about the future is often a long-term orientation, while a goal is something more specific. Do you have a goal in life? If so, congratulations because you are the 2% who have goals in life. If not, then, get a pen and paper and write down specifically what, when and how you want to achieve your goals.*

## 3 KOMITMEN KEPADA KECEMERLANGAN
### *COMMITMENT TO EXCELLENCE*

Berikan komitmen kepada kecemerlangan. Mereka yang berjaya sering memikirkan cara untuk menjadi hebat dalam industri mereka. Walaupun, belum mencapai kecemerlangan, fikirkan ke arah itu. Dalam apa sahaja industri sekalipun, telah terdapat mereka yang berjaya dalam bidang tersebut. Tidak kira apa pun bidang anda, lakukan penyelidikan keatas mereka dan ketahui teknik dan strategi yang telah digunakan. Beri komitmen kepada minda anda bahawa untuk berjaya, kecemerlangan perlu diutamakan dan kecemerlangan memerlukan ilmu. Apabila minda hebat, kejayaan pun pastinya hebat!

*Commit to excellence. Those who are successful often think of ways to become great in their industry. Although, yet to achieve excellence, think in that direction. In any industry, though, there have been those who are already successful in the field. No matter what your field, do research on them and learn techniques and strategies that have been used. Give a commitment to your mind that to be successful, you must take precedence for excellence and excellence requires knowledge. With great minds, success is definitely great!*

## 4 FOKUSKAN KEPADA PENYELESAIAN
### *FOCUS ON SOLUTIONS*

Mereka yang berjaya memikirkan keputusan dan penyelesaian, dan bukannya masalah. Latihkan minda anda untuk memikirkan keputusan yang ingin dikecapi dan jauhkan dari segala pemikiran yang negatif. Pemikiran negatif akan membunuh semangat kita. Suara-suara negatif dalam dan juga di luar diri kita akan menjatuhkan motivasi dan membuatkan kita fikirkan masalah. Dalam apa sahaja usaha kita, pastinya akan bertembung dengan pelbagai masalah. Fokuskan minda kita kepada penyelesaiannya

*Those who succeed work out the results and solutions, and do not dwell on problems. Rehearse in your mind to make decisions to help you achieve and stay away from all negative thinking. Negative thinking will kill our spirit. Negative voices within and with-out ourselves will kill motivation and make us think about the problem. In whatever we do, for sure, there will be problems. Focus your mind on solving them.*

bersambung/ *to be continued........*

**PENGERUSI / *Chairman***
Fully Chye Goet Lee

**PENGARANG / *Editor***
Hafizah Noor Azhar
03-80685555 ext 113
info@epal.com.my

**PEREKA BENTUK GRAFIK / *Graphic Designer***
Nor Zuraida Abu Bakar

**JURUFOTO / *Photographer***
Jurufoto Mostwell Sdn Bhd

**DITERBITKAN / *Published by***
Mostwell Sdn Bhd,
No. 24, 26 & 28, Persiaran Puteri 1,
Bandar Puteri, 47100 Puchong,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-80685555 Faks : 03-80681133

**DICETAK OLEH / *Printed By***
Yeoh Princo Sdn Bhd
No. P.T. 50959, Jalan Seruling 59, Kaw.3,
Taman Klang Jaya, 41200 Klang,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-33233715


"Apresiasi Seni Jahitan"
Seni jahitan menjana ekonomi


Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada penerbit. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Epalmag. Semua material penerbitan yang dikirimkan kepada kami akan menjadi hak milik syarikat ini. Sidang Pengarang tidak bertanggungjawab juga atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirim melalui pos.




Selamat sejahtera buat ahli VVIP & VIP yang dikasihi,

Pusat Epal kini sedang rancak membuat persediaan *Sewing World Gallery* yang bakal menjadi agenda utama tahun ini akan datang. Ada sesuatu yang istimewa untuk para pengunjung dan ianya bakal mencipta sejarah di Malaysia ini. Tiada yang lebih bermakna dari usaha ini demi menyatu para peminat dan usahawan yang mencintai dunia seni jahitan kreatif.

Di sebalik usaha ini, kursus jahitan di bulan April diteruskan dengan projek 'Alas Meja Sepanjang Masa' dan 'Gaun Tentera Laut'. Dua projek tersebut mengaplikasikan teknik sulaman, patchwork dan kuilting yang mana ianya boleh diaplikasikan untuk projek lain seperti hiasan dinding dan sarung kusyen. Begitu juga dengan Gaun Tentera Laut, pastinya comel digayakan oleh anak-anak perempuan anda.

Sesuatu ilmu itu boleh dimiliki melalui bahan bacaan dan pengalaman. Kemahiran pula boleh dimiliki dengan bimbingan latihan, kesabaran dan usaha yang konsisten. Gabungan ilmu dan kemahiran yang ada ini jika dikongsikan dan diajarkan pada orang lain, kita mampu menguatkan daya ingatan dan mengasah daya kreativiti sendiri. Pastinya ini memberi kebaikan untuk diri dan masyarakat. Jom sebarkan konsep yang bermanfaat ini!

Salam Manis dari Epal,
***Puan Fully Chye.***

*To all my beloved VIP members,*

*Epal Center is in full swing preparing for the Sewing World Gallery. It will be the main agenda of this year. There will be something special for the visitors. It will create history in Malaysia. This effort is more meaningful as it aims to consolidate the fans and entrepreneurs who are passionate about the art of creative sewing under one roof.*

*Despite this, our sewing courses in April will continue with the 'All Time Great Table Runner' and 'Navy Collar Dress' projects. You will learn embroidery, patchwork and quilting techniques in the first project. The same skills can also be applied on other wall hanging projects and cushion cover projects. The 'Navy Collar Dress' project is lovely; more so, if your daughter is able to wear a dress that is handmade by you. All of the techniques learnt can be applied on other wall hanging and kids' clothing projects.*

*Knowledge can be acquired through reading and experience. Skills can be acquired with training guidance, patience and consistent effort. The combined knowledge and skills if shared and taught to others will strengthen our memory and hone your own creativity. This is definitely beneficial to ourselves and society. Let's believe in this useful concept together!*

*Sweet regards,*
***Madam Fully Chye.***

## CAWANGAN TERBAIK/ THE BEST BRANCHES - FEB/ FEBRUARY 2015

### TOP 1 — Kuching



Nora Amit
*Manager*



Aimah Norsalim
*Asst. Manager*



Nur Syafarina Balqis Abdullah
*ME*



Amalina Malike
*Trainer*



Emlia Wasli
*Trainer*



Syiti Widiyananesa Faizal
*Trainer*

| | |
|---|---|
| Hanizah Taha | Trainer |
| Missalini Bujang | CSE |

### TOP 2 — Pulau Pinang

| | |
|---|---|
| Chye Gwek Beng | *Manager* |
| Caroline Manchiang | *ME* |
| Norlia Che Meh | *Trainer* |
| Nur Aziela Ismawi | *Trainer* |
| Poh Lee Shin | *Trainer* |
| Chong Pui Yee | *Trainer* |
| Noraidah Mohd Yunus | *Trainer* |
| Rujiah Andikur | *Trainer* |
| Aris Astuti | *Trainer* |
| Ziera Asrina Askin | *Trainer* |
| Suraidah Bilam | *Trainer* |
| Mohd Hafidz Abu Bakar | *Technician* |

### TOP 3 — Klang

| | |
|---|---|
| Mohinah Runsum | *Manager* |
| Marciana Gumbolog | *ME* |
| Zainurul Ain Kinjang | *Trainer* |
| Lipa Paddas | *Trainer* |
| Harny Jikolos | *Trainer* |
| Siti Ayesharifina Rosli | *Trainer* |
| Veanasheila AK John Harry | *Trainer* |

# Projek Kreatif April 2015 Creative Project April 2015



## ALAS MEJA SEPANJANG MASA/ *ALL TIME GREAT TABLE RUNNER*

HARGA BAHAN/ PRICE OF MATERIAL : PRO 0145 – RM139.00 (VIP) (10PV)

**Teknik yang akan dipelajari:**

- Dapat mempelajari teknik menjahit seni sulam tampal/ *appliqué* menggunakan kertas *double side gum.*
- Mempelajari seni cantuman/ *patchwork* menggunakan teknik *short-cut.*
- Mempelajari cara menyembur gam menggunakan spray.
- Mempelajari cara menjahit kuilting pada setiap cantuman dan kuilting mengikut motif bunga.
- Mempelajari cara menjahit *binding* yang dikemaskan dengan jahitan sembat tangan.

***Techniques to be learn:***

- *Learnt appliqué techniques using fusible web.*
- *Learnt using short cut patchwork techniques.*
- *Learnt to spray adhesive.*
- *Learnt to quilt using stitch-in-ditch method and to quilt on motifs of leaves and flowers.*
- *Learnt to stitch binding using hand stitches.*



PROJEK MINI/ *MINI PROJECT*:
ALAS PINGGAN BUNGA TULIP/
TULIP FLOWER PLATE MAT

## GAUN TENTERA LAUT/ NAVY COLLAR DRESS

HARGA BAHAN/ *PRICE OF MATERIAL*: PRO 0027-RM114.00 (VIP) (10PV)

**Teknik yang akan dipelajari:**

- Mengetahui cara menyusun atur fabrik menggunakan kertas pola.
- Mengetahui teknik menjahit gaun berkolar tentera laut.
- Mempelajari teknik seni tampal/ *applique* menggunakan kertas *double side gum.*

***Techniques to be learn:***

- *How to lay paper pattern on fabric.*
- *How to sew navy collar dress.*
- *How to appliqué using fusible web.*



PROJEK MINI/ *MINI PROJECT*:
SARUNG KOTAK TISU/
TISSUE BOX COVER



**PRODUK baru/new PRODUCT**




Gam untuk *Thread Art Lamp*/
*Glue for Thread Art Lamp*
Kod Produk/ *Product Code*: ACS0748
Harga/ *Price*: **RM12.00**




Buku *'The World of One Piece Bag'*/
*'The World of One Piece Bag' Book*
Kod Produk/ *Product Code*: STA0135
Harga/ *Price*: **RM49.00**

Dapatkan produk-produk ini di Pusat Epal berhampiran anda. Boleh juga membuat pembelian secara atas talian di **www.epal.com.my** dan klik pada logo **'e-store'.**
*Get all the product from the nearest Epal Centre. You may also shop online by browsing* ***www.epal.com.my*** *and click on the logo* ***'e-store'.***

# HAPPY BIRTHDAY RAKAN SEKERJA! COLLEAGUE!

## APRIL 2015



| No. | Tarikh/ Date | Individu Di-rai/ Staff to Celebrate | Pusat/ Centre |
|---|---|---|---|
| 1. | 1/4 | HIEW YUN FATT @ DAVID | HQ |
| 2. | | MOHAMMAD FITRI KHASIDIN | HQ |
| 3. | 5/4 | AIMAH NORSALIM | Kuching |
| 4. | 6/4 | SHARIFFAH SAZIANAH | Johor Bahru |
| 5. | 10/4 | AMALINA MALIKE | Kuching |
| 6. | 21/4 | NORBILA | Kota Bharu |
| 7. | 22/4 | JESLIAH JOSTIN | Melaka |
| 8. | | TEH POH CHOO | HQ |
| 9. | | RUZIANA | Kota Raya |
| 10. | 23 | POH LEE SHIN | Pulau Pinang |
| 11. | 26/4 | NOOR FADZILAH MOHD NOOR | HQ |
| 12. | | HAFIZAH NOOR AZHAR | HQ |

happy birthday to you

semoga anda murah rezeki dan ceria selalu/
May you always cheerful and blessed.



# *Alas Meja Sepanjang Masa/ All Time Great Table Runner*

| **Bahan/Material** | **Ukuran/ Measurement** | **Catatan/Notes** |
|---|---|---|
| Kain A/ *Fabric A* | 3" x 45" | Patchwork/ *Patchwork* |
| Kain B/ *Fabric B* | 6" x 45" | Patchwork/ *Patchwork* |
| Kain C/ *Fabric C* | 16" x 45" | Border Akhir/ *Binding* |
| Kain D/ *Fabric D* | 10" x 45" | Patchwork & Bunga Besar/ *Patchwork & Big Flower* |
| Kain E/ *Fabric E* | 24" x 45" | Border Tengah/ *Centre Border*<br>Border 3 segi/ *Triangular Border* |
| Kain F/ *Fabric F* | 5" x 18" | Bunga Besar/ *Big Flowers* |
| Kain G/ *Fabric G* | 8" x 3" | Tompok Bunga/ *Flowers Centre* |
| Kain H/ *Fabric H* | 8" x 3" | Tompok Bunga/ *Flowers Centre* |
| Kain I/ *Fabric I* | 15" x 3" | Daun Kecil/ *Small Leaves* |
| Kain J/ *Fabric J* | 22" x 3 ½" | Daun Besar/ *Big Leaves* |
| Kain K/ *Fabric K* | 22" x 3 ½" | Daun Besar/ *Big Leaves* |
| Kain belakang/ *Backing Fabric* | 23" x 64" | |
| Batting/ *Batting* | 24" x 62" | |
| Double Side Gum/ *Fusible Web* | 17" x 18" | |
| Quilt Bias/ *Quilt Bias* | 1 gulung/ roll | |




Bahan yang diperlukan.

*Materials needed for project.*




Langkah 2 hingga langkah 13. Cara menjahit kain bahagian patchwork dengan teknik short cut. Kain A hingga kain D yang perlu dipotong.

*Step 2 to step 13 is to make patchwork using short cut technique. Fabric A to fabric D needed for patchwork.*




Potong Kain A- D dengan ukuran 2 ½" x 44". Kain A (sekeping), Kain B (2 keping), Kain C (2 keping) & Kain D (2 keping). Selepas potong, susun mengikut uratan ini: D, C, B, A, B, C, D.

*Cut fabric A-D with measurement 2 ½" 44". Fabric A (1 piece), Fabric B (2 pieces), Fabric C (2 pieces) & Fabric D (2 pieces).*




Cantum semua kain mengikut susunan seperti gambarajah langkah 3, dengan basi jahitan ¼". Pastikan setiap 1" mempunyai 15 hingga 18 mata jahitan sahaja.

*Join strips according to arrangement shown in the diagram using ¼" seam allowance. Use stitch length of 15 to 18 stitches per inch.*




Seterika kesemua cantuman kain yang telah siap dicantum. Pastikan basi jahitan menghala arah yang sama.

*Press all seam allowance after joining the strips. Make sure that the seam allowances face only one direction.*




Potong kain yang telah siap dicantum berukuran 2 ½" dengan menggunakan Set Rotary Cutter sebanyak 16 keping.

*Cut 16 strips of 2 ½" width from the joined strips using a Rotary Cutter Set.*




*Susun semua kain patchwork tadi secara menyerong seperti gambarajah.*

*Arrange the 16 strips at 45° as shown in diagram.*




Cantum kesemua kain mengikut susunan gambarajah langkah 7, dengan basi jahitan ¼". Pastikan setiap 1" mempunyai 15 hingga 18 mata jahitan sahaja.

*Join all the strips as arranged in step 7, using ¼" seam allowance. Using stitch length of 15 to 18 stitches per inch.*




Seterika kain patchwork yang telah siap dicantum.

*Press seam allowance.*






Potong di bahagian tengah / Cut through the centre

Potong lurus di bahagian tengah patchwork.

*Cut through the centre of the patchwork.*

"WE SHARE WE CARE"

# Taklimat WSWC Guinness World Record - The Biggest Handbag

# Briefing WSWC Guinness World Record - The Biggest Handbag

Pada 14hb Mac 2015, bertempat di Ibu Pejabat Mostwell Sdn Bhd telah diadakan program taklimat *We Share We Care* (WSWC) Catatan Rekod Beg Terbesar. Para jemputan terdiri daripada persatuan-persatuan NGO di sekitar Negeri Selangor termasuklah dari sekolah-sekolah.

Tujuan taklimat ini adalah untuk memberi penerangan dan mengajak seluruh masyarakat khususnya kaum wanita menyertai Mostwell bersama-sama untuk mencipta Beg Terbesar dan mencatat *Guinness World Record.* Usaha ini sekaligus ingin mewujudkan perpaduan di kalangan wanita dan meyakinkan semua bahawa seni jahitan kreatif mampu mencipta sejarah yang tersendiri.

Turut sama dijalankan pada hari tersebut adalah aktiviti menjahit perca kain kemeja di kalangan VIP yang hadir untuk menyumbang bakti bersama-sama menjayakan usaha *break record* tersebut. Diharapkan usaha ini dapat membuka minda dan masyarakat dapat bersatupadu untuk mencipta sejarah ini.

*14th March 2015-- Mostwell Sdn Bhd held a We Share We Care (WSWC) briefing session for entering the Guinness World Record for The Biggest Handbag. The invited guests consisted of NGO associations around the State of Selangor, including schools.*

*The purpose of this briefing is to enlighten and encourage all people, especially women to join Mostwell together to create a record breaking Guinness World Record - The Biggest Handbag. This effort aims to create solidarity among women and to bring greater awareness that creative sewing art is capable of creating its own history.*

*In addition, rag sewing activity among the VIPs contributed to realize the effort to break the record. It is hoped that such efforts can open the minds of society to unite and create history.*



Antara reaksi jemputan yang hadir ketika melihat plastik minuman yang telah dikitar-semula menjadi beg/ *The attendees' reaction when they saw the plastic beverage sheets that had been re-cycled to be bag.*



Sesi fotografi bersama semua jemputan/ *Photography session with all associations.*



Sekitar taklimat berlangsung/ *A round of briefing.*



Wajah-wajah para jemputan yang memenangi hadiah cabutan bertuah/ *The faces of the guests who won the lucky draw prizes.*

## Jom E'PAL, Program Menjahit Ibu dan Anak/ Jom E'PAL, Mummy's & Daughter's Sewing Programme

**Tarikh/ *Date:* 20.3.2015 – 22.3.2015**
**Lokasi/ *Location:* Pusat Epal Puchong**
**Aktiviti/ *Activities:***
***a) Ali Baba Pants & Tote Bag* (untuk peserta dewasa/ *for adult*)**
***b) My 1st Ali Baba Pant & My 1st Tote Bag* (untuk peserta kanak-kanak/ *for kids*)**





Kanak-kanak sedang belajar menjahit/ *Kids learned to sew: My 1st Ali Baba Pant & My 1st Tote Bag.*






Hari terakhir program: Pertunjukan Fesyen yang memperagakan hasil jahitan sendiri untuk kanak-kanak/ *Last day programme: Fashion Show for kids to show up their handmade products.*



Para Ibu sedang belajar menjahit/ *Mummies learned: Ali Baba Pants & Tote Bag.*



## Majlis Serahan Kad VVIP (Pusat Klang) The Submission of VVIP Card Ceremony (Klang Epal Centre)

**Tarikh / *Date* : 7.2.2015 & 14.2.2015** **Jumlah peserta / *Participants* : 25 peserta / *person***

"Saya berasa amat gembira dan bertuah kerana tidak pernah terfikir dapat menikmati pelbagai faedah menjadi ahli VVIP Epal. Saya rasa terharu kerana mendapat keahlian selagi Epal masih wujud. Saya boleh belajar di Epal tanpa perlu perbaharui keahlian lagi, malahan keahlian ini boleh diwariskan kepada anak saya". – LOI SIAU HUI

"Saya gembira sangat dan tidak sangka dapat rezeki ini. Ini menambahkan semangat saya untuk terus menimba ilmu dan menajamkan kemahiran di Epal. Saya juga dapat mempelbagaikan lagi produk-produk jahitan dalam perniagaan. Syukur alhamdullilah kerana diberikan peluang untuk belajar tentang ilmu seni jahitan kreatif di Epal". – ZAITON SELAMAT

*"I feel very happy and lucky. I never thought that we can enjoy a range of benefits as VVIP members. I am honored to learn from Epal while it is still around. Now I can learn at Epal without the need to renew the membership again, as this membership can be passed on to my children ". - MS. LOI SIAU HUI*

*"I am very happy and did not expect this surprise! It gives me joy to continue studying and honing my skills in Epal. I can also diversify into other products in the sewing business. Thankfully I was given the opportunity to learn about the Sewing Creative Art at Epal ". – ZAITON SELAMAT*







# Kolej Komuniti Sabak Bernam Sertai Program "WE SHARE WE CARE"

6hb Mac 2015 – Ibu Pejabat Mostwell Sdn. Bhd. telah menerima kunjungan dari warga Kolej Komuniti Sabak Bernam. Kunjungan oleh 32 orang di kalangan pelajar dan guru ini adalah dengan tujuan Lawatan Sambil Belajar ke Mini Galeri E'PAL. Lawatan selama sehari ini memberi peluang kepada peserta untuk menyertai Program *We Share We Care* (WSWC) yang memberi maklumat berkenaan dunia seni jahitan kreatif dan pada masa yang sama melakukan aktiviti menjahit Beg Banner dengan yuran percuma.

# Sabak Bernam Community College Join "WE SHARE WE CARE" Programme

*6th March 2015 - Mostwell Sdn. Bhd. Headquarters received a group visit from the Sabak Bernam Community College. Represented were 32 students and teachers who came do a Study Tour of the EPAL Mini Gallery. This day-long tour gives the participants a chance to participate in the We Share We Care (WSWC) Programme which provides information regarding the creative sewing art world and at the same time to sew the Banner Bag.*










Photo: Penghargaan dari Mostwell kepada Kolej Komuniti Sabak Bernam/
*Photo: Appreciation from Mostwell to Sabak Bernam Community College.*






